


Headline	Pakatan harapan risau kemampuan Pas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	210 cm <sup>2</sup>
Journalist	ZULKIFLIJALIL	AdValue	RM 4,151
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,452



## Pakatan harapan risau kemampuan Pas?



Oleh **ZULKIFLI JALIL**  
 pengarang@utusan.com.my

**MENTERI** Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali kini tidak senang duduk. Kelibat Timbalan Presiden PKR itu dalam seminggu ini kerap kelihatan di Sungai Besar.

Mana tidaknya, pilihan raya kecil (PRK) kawasan Parlimen itu adalah ujian pertamanya sebagai Menteri Besar.

Kalau kalah pakatan harapan, malulah dia kepada Presidennya, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail. Wan Azizah sudah pun membuktikan menang kerusi DUN Kajang dan sepatutnya 'calon' yang layak dipertimbangkan ke jawatan Menteri Besar, tetapi Mohamed Azmin 'memintasnya'.

Maka, PRK Sungai Besar akan membuktikan 'kewibawaan' Mohamed Azmin. Namun, pakatan harapan gusar, apa lagi Mohamed Azmin dan terlebih lagi pula DAP.

DAP, diketuai Penasihatnya, Lim Kit Siang baru sahaja kalah teruk di Bumi Kenyalang. PAN pula tidak boleh diharap.

Dua kawasan Dewan Undangan



**MOHAMED AZMIN ALI**



**LIM KIT SIANG**

Negeri (DUN) dalam Sungai Besar pun bukan kerusi 'molek' buat Pas.

Sungai Panjang adalah kawasan UMNO dengan jumlah undi lebih 80% adalah orang Melayu. Dalam pilihan raya umum (PRU) ke-13, calon Pas tewas kepada BN dengan lebih 2,000 undi. Pendek kata, di kawasan Melayu, Pas kalah.

DUN Sekinchan pula merangkumi 60% pengundi Cina. Pada PRU-13, DAP mengalahkan BN lebih dari 2,000 undi.

Maknanya, Pas tewas 2,000 undi manakala DAP menang 2,000 undi mengikut pecahan DUN dalam Parlimen Sungai Besar.

Di Selangor, daripada 15 kerusi yang dimenangi Pas dalam pilihan raya umum 2013, hanya kawasan DUN Bangi yang 'solid' peratus pengundi Melayunya menyokong Pas. Baki besar 14 kerusi pula datang daripada jumlah pengundi bukan

Melayu yang melebihi majoriti diraih Pas.

Cuba lihat fakta angka ini. DUN N17 Gombak Setia yang dimenangi calon Pas hanya meraih sokongan daripada 4.2 peratus (%) pengundi Melayu manakala pengundi Cina (11.73%).

Demikian juga di N18 Hulu Kelang (7.2% Melayu/ 14.32% Cina), N2 Sabak (2.1% Melayu/ 12.23% Cina), N20 Lembah Jaya (20.7% Melayu/ 31.86% Cina), N21 Chempaka (25.9% Melayu/ 38.17% Cina), N23 Dusun Tua (10% Melayu/ 37.72% Cina) dan N26 Bangi (25.2% Melayu/ 18.96% Cina).

Tujuh DUN yang lain turut menyaksikan sentimen serupa iaitu N29 Seri Serdang (25.4% Melayu/31.6% Cina), N38 Paya Jaras (14.3% Melayu/ 27.3% Cina), N42 Meru (25.6% Melayu/ 27.5% Cina), N45 Selat Kelang (8.7% Melayu/ 26.0% Cina), N51 Sijangkang (10.8% Melayu/ 15.2% Cina), N53 Morib (2.6% Melayu/ 22.7% Cina) dan N54 Tanjung Sepat (3.4% Melayu/ 28% Cina).

Inilah yang ditakuti pakatan harapan. Mereka risau Pas tiada kekuatan langsung - hanya didukung bukan Melayu yang pada masa itu menyokong Pakatan Rakyat.

Kalau begitu andaianannya, elok benar DAP dan PKR mengkaji semula relevankah formula 'satu lawan satu' di Sungai Besar.



# Buat semula kerja naik taraf

## Atasi kesesakan trafik di Jalan Kemajuan Subang

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

**SUBANG JAYA** - Kerja naik taraf yang dilaksanakan pihak pemaju di Jalan Kemajuan Subang, untuk mengatasi kesesakan di laluan itu perlu diperbaiki semula bagi melancarkan aliran trafik.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh Tseow Suan berkata, pengguna mungkin menyedari berlaku perubahan trafik di kawasan SS16, sejak beberapa hari lalu.

Menurutnya, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) sebelum ini mensyaratkan pemaju melakukan kerja naik taraf antaranya membina pusingan U di depan Wisma Consplant dan di depan pusat beli-belah Subang Parade.

Pemaju juga disyaratkan supaya menutup persimpangan lampu isyarat di simpang Jalan SS15/5 dan menurap semula Jalan Kemajuan Subang.

Beliau berkata, pembinaan pusingan U di kedua-dua lokasi sudah siap, namun pihaknya dan penduduk mendapati keadaan trafik masih belum lancar sepenuhnya.

"Dalam mesyuarat diadakan bersama jawatankuasa penduduk dan MPSJ, kami minta pihak itu kaji semula dan lihat bagaimana ia boleh diperbaiki. Mungkin mereka boleh bina halangan ketinggian supaya hanya kenderaan ri-



Hannah Yeoh (dua, kiri) ketika menerangkan kerja naik taraf dilaksanakan di Jalan Kemajuan Subang.

ngan boleh membuat pusingan U di situ," katanya.

Hannah Yeoh berkata, terdapat beberapa lot komersial di kawasan SS16 Subang Jaya belum dibangunkan, MPSJ mahu melihat keadaan trafik bertambah baik sebelum memberi kelulusan pelan pembangunan kepada pihak pemaju.

Beliau berkata, selain kerja naik taraf dilakukan pemaju, Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) juga perlu menaik taraf persimpangan Jalan SS16/2 dan Jalan Kemajuan selepas menyiapkan jalan susur dari Persiaran Kewajipan ke Jalan SS16/1.

Jelasnya, ketika ini, pengguna dari arah SS12 yang mahu ke stesen KTM perlu membelok ke kiri dan membuat pusingan U di depan pusat beli-belah Subang Parade menyebabkan lokasi itu sesak.

Menurutnya, Prasarana akan membina satu jalan untuk menghubungkan pengguna terus ke stesen.

"Bagi kerja ini, saya difahamkan pelantikan kontraktor dibuat pada hujung bulan ini dan kerja di tapak akan bermula awal bulan depan serta projek dijangka siap pada pertengahan Jun," katanya.





isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Zaidy (tengah) meninjau LRA Semenyih di Jenderam Hilir dan melihat tapak projek LRA Semenyih 2, Kelmarin.

# Dua LRA baharu dibina

Kerajaan negeri peruntuk RM700 juta untuk tingkatkan rizab air Selangor

■ SYAIRI SHAARI

**DENGKIL** - Dua loji baharu iaitu Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih 2 dan LRA Labohan Dagang mampu menyelesaikan krisis air dan meningkatkan rizab air di Selangor.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, kerajaan negeri membelanjakan RM700 juta menerusi bajet 2016 membina dua loji rawatan baharu itu yang terletak di Hulu Langat dan Kuala Langat.

Menurutnya, usaha dan pelaburan itu adalah inisiatif daripada kerajaan negeri sendiri bagi memastikan bekalan air bersih untuk rakyat terus terjamin.

"Kami tahu permintaan air sangat tinggi di Selangor dan dengan adanya loji rawatan air baru ini, ia dapat me-

nampung dan meningkatkan rizab air terawat di negeri ini.

"Kami sentiasa bersedia dengan perancangan terutamanya apabila cuaca panas dan berhadapan krisis bekalan air," katanya pada lawatan kerja ke LRA Semenyih di Jenderam Hilir, di sini, kelmarin.

Zaidy berkata, bagaimanapun beliau berharap dua LRA baru itu akan meningkatkan bekalan air seterusnya mengelak krisis air yang mungkin berlaku tanpa mengharapkan Langat 2 sebelum siap sepenuhnya.

Hadir sama pada lawatan berkenaan Adun Bangi, Shafie Ngah dan Ketua Pengarah Urusan Pengurusan Air Selangor Berhad, Suhaimi Kamaralzaman.

Pada lawatan sehari itu, Zaidy meninjau dua tapak projek baharu membina LRA Semenyih 2 di Jenderam Hilir dan LRA Labohan Dagang di

Banting.

Zaidy turut meninjau LRA Sungai Labu, selain melihat keadaan kolam takungan, operasi projek dan mendengar taklimat daripada kakitangan loji berkenaan.

Mengulas lanjut LRA Semenyih 2 yang dijangka siap pada Disember 2017, Zaidy berkata, LRA Semenyih 2 akan dibina bersebelahan dengan LRA Semenyih yang sedia ada di Jenderam Hilir.

Beliau berkata, tender telah pun dianugerahkan kepada sebuah syarikat dan mereka akan mulai masuk tapak memulakan pembinaan projek pada bulan ini (Mei).

Jelasnya, loji itu akan membekalkan 100 juta liter air terawat sehari kepada penduduk di Hulu Langat dan Semenyih serta projek dilah berjalan dengan baik.

"Saya yakin kawasan (Hulu Langat) akan menerima jumlah air terawat mencukupi dan mampu menyelesaikan kekurangan bekalan air khususnya dalam keadaan tertentu.

"Alhamdulillah bekalan air masih mencukupi di kawasan ini tetapi dengan adanya LRA baru ini akan meningkatkan lagi rizab air di sini," katanya.

## Bekal 400 juta liter air sehari

Zaidy berkata, LRA Labohan Dagang dijangka siap pada Jun 2018 dan tender kini dalam peringkat pengiklanan.

Katanya, tender LRA Labohan Dagang dalam proses awal tender dan loji ini akan membekalkan 400 juta liter air sehari kepada penduduk sekitar Kuala Langat.

"Tender ini melalui beberapa pakej iaitu A, B, C dan D dan pakej ini akan selesai proses tendernya da-



Zaidy (dua, kanan) melihat peta projek berhubung cadangan projek LRA Labohan Dagang dijangka siap pada Jun 2018.

lam tempoh beberapa bulan akan datang.

"Kos keseluruhan projek di Labohan Dagang ini adalah RM500 juta berbanding RM200 juta di LRA Semenyih 2. Kos ini termasuk pembinaan loji, perpaipan dan lain-lain," katanya.

Zaidy yang juga Adun Templer berkata, beliau akan memantau perkembangan ini secara dekat dan turun dari semasa ke semasa serta akan memastikan semuanya mengikut jadual.

"Saya dan kerajaan negeri akan memberi komitmen sepenuhnya dalam kedua-dua projek ini bagi menjaga kepentingan rakyat," katanya.

## Dapatkan fakta sahih

Zaidy turut mengingatkan pihak lain supaya mendapatkan maklumat dan fakta sahih sebelum memberi kritikan dan komen berhubung isu air di negeri ini.

Beliau mengalukan-alukan cadangan, kritikan dan komentar

yang baik dan bernas tetapi mereka perlukan mendapatkan fakta sebenar.

"Kritikan dan komen perlulah dari fakta yang betul dan mereka akan dilihat lebih profesional.

"Kami tidak mahu ada pihak yang menuduh seperti projek Horas tidak berfungsi dan seolah-olah terbelang, walhal bukan sedemikian," katanya.

Menurutnya, sebagai contoh terdapatnya kritikan Adun BN terhadapnya tetapi mereka boleh merujuknya dalam dewan dan juga di jawatankuasa pilihan khas air sekiranya ada persoalan.

Beliau berkata sebagai Exco yang memegang portfolio air, dia menerima secara terbuka setiap komen dan kritikan tetapi perlulah seiring dengan fakta yang betul.

"Dalam keadaan biasa pun, saya akan menjawab setiap persoalan dan kita tidak mahu ada tuduh menuduh seperti mendakwa projek Langat 2 tidak siap dan sebagainya," katanya.



Shafie (kiri) dan Zaidy (tengah) mendengar penerangan operasi LRA Semenyih selepas taklimat lawatan.





# Dakwa Amanah kelirukan rakyat

## Pas lahirkan rasa kesal, tegaskan parti itu masih terlibat dalam pentadbiran negeri Selangor

### ■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

**PUCHONG** - Ketua Lajnah Kebajikan dan Kemasyarakatan Pas Selangor, Dr Che Rosli Che Mat kesal dengan tindakan Parti Amanah Negara (Amanah) yang didakwa berterusan mengelirukan rakyat mengatakan Pas tidak lagi terlibat dalam pentadbiran kerajaan negeri.

Beliau yang juga Yang Dipertua Pas Hulu Langat berkata, pihaknya terpaksa membetulkan persepsi tersebut melalui program-program dianjurkan bersama rakyat.

Menurutnya, Pas mempunyai 13 kerusi Adun dan tiga wakil rakyatnya menggalas jawatan exco di Selangor, jadi tidak timbul soal Pas tidak terlibat dalam pentadbiran kerajaan negeri.

“Saya kesal dengan tindakan pemimpin parti politik yang sama-sama daripada kumpulan pembangkang juga dan hanya mempunyai dua kerusi di Selangor tetapi selalu cuba ‘pusing’ cerita mengatakan Pas tidak lagi signifikan di negeri ini,” katanya.

Tindakan itu katanya, menyebabkan ada rakyat terkeliru dan menyangka hanya Pakatan Harapan (DAP, PKR dan Amanah) mentadbir Selangor.

Che Rosli meminta pemimpin parti tersebut menghentikan dakwaan yang menyebut dan menuduh Pas tidak lagi signifikan kerana Adun dari Pas dan exco masih menjalankan tugas serta tanggungjawab kepada rakyat.

“Pemimpin parti itu sengaja timbulkan persepsi un-

tuk nafikan kewujudan Pas. Sebelum ini DAP memang dah banyak kali minta Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali tendang kami (Pas) keluar tapi kerana kekuatan beliau (Mohamed Azmin), Pas masih bertahan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui *Sinar Harian* pada Program Semarak Hijau anjuran Pusat Khidmat Dun Seri Serdang, di Puchong Permai.

Che Rosli sebelum itu berkata, perlu diingat kembali mengapa Pas mengambil keputusan memutuskan hubungan dengan Pakatan Rakyat sebelum ini.

Katanya, kerjasama dijalin dengan semangat setiakawan sebelum ini terputus apabila tiba-tiba DAP menyerang presiden parti.

“Presiden adalah ketua dalam organisasi, kalau dia serang presiden, serang ‘ayah’ kita, takkan kita tak marah, sebab itu ulamak ambil keputusan putus hubungan.

“Perbalahan berlaku dari segi politik sahaja, pentadbiran tak kacau, malah menteri besar selalu sebut teruskan kerja demi kepentingan rakyat,”



CHE ROSLI



Che Rosli membantu mengagihkan makanan kepada penduduk yang menyertai Program Semarak Hijau anjuran Pusat Khidmat Dun Seri Serdang di Puchong Permai.





# Sampah jejas persekitaran



Jakiran (duduk, dua kiri) turut serta membersihkan sungai sempena Program "Cuci Cuci Kasi Cuci Sungai Selangor" di sekitar sungai di Kompleks Pelancongan Kelip Kelip Kampung Kuantan.

**KUALA SELANGOR** – Sungai Selangor di daerah ini, lebih-lebih lagi di kawasan habitat kelip-kelip tidak terlepas menjadi sasaran tempat pembuangan sampah haram.

Adun Bukit Malawati, Jakiran Jacomah berkata, timbunan sampah sarap di kawasan sungai cukup menjejaskan pemandangan pengunjung sama ada kaki pancing atau mereka yang datang melihat kelip-kelip.

"Mujurlah mereka tengok kelip-kelip pada waktu malam... jadi tak nampak sampah berlonggok di tebing. Kalau air pasang lagi banyak sampah naik.

"Isu sampah ini sudah banyak kali dibangkitkan, tapi masalah sikap susah nak ubah. Kita malu bila pelancong asing datang lihat sampah banyak di sungai ini," katanya.

Menurutnya, lambakan sampah sarap di kawasan sungai yang menjadi tumpuan pelancong itu perlu diberi perhatian segera.

Bagaimanapun katanya, pihaknya mengucapkan syabas dan tahniah kepada NGO serta

kelab yang mengambil inisiatif membersihkan kawasan sungai berkenaan.

"Sekurang-kurangnya sampah yang ada dapat dikurangkan dan kawasan terjejas dapat dipelihara dengan baik demi menjaga habitat kelip-kelip.

"Saya berharap program murni seperti ini dapat dicontohi dan diteruskan dari semasa ke semasa bahkan sampah yang berjaya dikumpulkan dapat dikitar semula," katanya.

Beliau berkata demikian sempena Program "Cuci Cuci Kasi Cuci Sungai Selangor" di sekitar sungai di Kompleks Pelancongan Kelip Kelip Kampung Kuantan.

Program yang melibatkan lebih 100 sukarelawan itu anjuran Persatuan Pendayung Sampang Kampung Kuantan dan Kelab Weekenders.

Kelab Alami Kawa Kuala Selangor, Kelab Generasi Warisan Seri Asahan Kampung Tanjung Siam Baru (Kongress) dan Majlis Daerah Kuala Selangor turut membantu menjayakan program ini.





## Kebersihan tanggungjawab semua

**PANTAI REMIS** – Kerjasama dan penglibatan semua pihak penting bagi membantu Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) menjaga kebersihan Pantai Remis.

Penyelaras Program CSR Price Solutions Sdn Bhd, Zul Azri bin Mohd Khalid berkata, inisiatif syarikat ini menterjemahkan hasrat untuk membantu memelihara alam sekitar di bawah seliaan MDKS.

"Demi memupuk keedaran untuk menjaga kebersihan pantai, seramai 144 sukarelawan bekerjasama mengutip sampah dalam tempoh tiga jam.

"Dalam tempoh itu, sebanyak 355 kilogram sampah berjaya dikumpulkan dan dihantar ke tapak pelupusan sampah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, bukan sahaja mahu mengembalikan keindahan pantai, program murni ini membantu menarik lebih ramai

pengunjung untuk terus datang ke Pantai Remis.

"Saya percaya penglibatan masyarakat amat diperlukan dalam memelihara kebersihan di kawasan awam terutama pesiran pantai.

"Sebagai masyarakat yang prihatin dan bertanggungjawab, kita perlu memastikan keadaan sekeliling bersih dengan membuang bekas atau plastik sisa makanan ke dalam tong sampah yang disediakan," katanya.

Beliau berkata, sudah tiba masanya, masyarakat mengubah minda dengan tidak meletakkan sepenuhnya tanggungjawab menjaga kebersihan di bahu pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Sebaliknya, usaha memelihara dan menjaga kebersihan alam sekitar ini memerlukan kerjasama dan sokongan jitu semua pihak," katanya.



Sebahagian sukarelawan mengutip sampah sempena Program CSR Price Solutions Sdn Bhd.





## Polis siap sedia hadapi gelombang PRK dua kawasan Jun ini

**KUALALUMPUR**- Polis sudah bersiap sedia bagi menghadapi segala kemungkinan dan cabaran dalam PRK Kuala Kangsar dan Sungai Besar pada bulan hadapan.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, segala perancangan kini diatur pihaknya bagi memastikan PRK di kedua-dua kawasan itu berjalan lancar dan aman.

Khalid berkata, polis akan menggunakan segala pengalaman yang ada bagi menghadapi kedua-dua PRK itu memandangkan ramai pihak menjangkakan kedua-dua kerusi itu dianggap 'panas'.

"Itu biasalah...bila PRK ini macam pesta, ada sahaja pihak mahu merancang dan memeriahkan kempen," katanya selepas Majlis Pemakaian Pangkat dan

Serah Terima Tugas Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA).

Beliau menasihatkan orang ramai untuk menjaga tingkah laku ketika proses kempen dan hari pengundian bagi kedua-dua PRK itu berlangsung.

"Bagi yang beragama Islam, saya harap anda bersabar memandangkan PRK dijalankan pada bulan Ramadan.

"Jika anda hayati betul-betul nikmat berpuasa pada bulan mulia itu pastinya ia akan berjalan lancar," katanya.

Kekosongan Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar berikutan kematian penyandang, Datuk Noriah Kasnon yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Datuk Wan Mohammad

Khair-il Anuar Wan Ahmad dalam nahas helikopter di Sebuyau, Sarawak, 5 Mei lalu.

Jumaat lalu, Suruhanjaya Pilihan Raya mengumumkan PRK Parlimen Kuala Kangsar, Perak dan Sungai Besar, Selangor, diadakan pada 18 Jun, manakala penamaan calon pada 5 Jun.



Khalid menyaksikan Pengarah Jabatan KDNKA, Datuk Muhamad Fuad Abu Zarim (kiri) menyerahkan dokumen tugas, semalam. - Foto: BERNAMA



Headline	Kelantan misteri di bawah Popov		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 May 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	55	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	450 cm <sup>2</sup>
Journalist	Syafiq Aznan	AdValue	RM 15,512
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,536



# 'Kelantan misteri di bawah Popov'

➔ Namun Zainal yakin Selangor mampu kutip 3 mata untuk hambat FELDA malam ini

**Oleh Syafiq Aznan**

syafiq.aznan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**M**eskipun ketinggalan enam mata di belakang FELDA United, namun Selangor masih melahirkan keyakinan betapa mereka masih mampu menghambat pendahulu Liga Super itu.

Pengendalinya, Zainal Abidin Hassan mengakui dia tidak melihat jarak mata yang memisahkan pasukannya dengan skuad 'The Fighters' dan Johor Darul Ta'zim itu terlalu besar dengan mereka optimis dapat menyaingi mereka pada pusingan kedua liga nanti.

"Pusingan kedua liga memberikan sedikit kelebihan kepada skuad The Red Giants memandangkan tujuh daripada baki 12 perlawanan Liga Super akan berlangsung di laman kami sendiri.

"Jadi, ini memberi kami peluang untuk memanfaatkan kelebihan beraksi di tempat sendiri untuk mengutip sebanyak mungkin mata untuk terus mengejar dua pasukan teratas liga itu," katanya.

Mengulas aksi menentang Kelantan malam ini, Zainal begitu berwaspada dengan dia menyifatkan pasukan Pamoga Qu Puteh The Red Warriors (PQPTRW) sebagai pasukan misteri di bawah kendalian jurulatih baharu, Velizar Popov.

## Selangor waspada

"Kita tidak mengetahui corak permainan yang akan ditunjukkan oleh pengendali baharu itu. Jadi kami perlu berhati-hati memandangkan lawan akan tampil dengan permainan dan semangat yang baharu.

"Walaupun bakal berdepan saingan sengit, namun kami tetap mahu mengutip tiga mata bagi mengembalikan rentak dalam liga terutamanya selepas tersingkir daripada saingan Piala AFC minggu lalu.

"Saya begitu mengharapkan anak buah saya dapat bangkit memperagakan aksi yang lebih baik dan menunjukkan perubahan yang ketara dari segi corak permainan," katanya.

Sementara itu, Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) mengumumkan penjualan tiket bagi perlawanan bertemu Kelantan akan mula dijual di Stadium Shah Alam bermula jam 9 pagi, hari ini.

**Fakta nombor**

**18 MATA**  
dikumpul Selangor daripada 10 perlawanan dalam saingan Liga Super setakat ini

---

**7 GOL**  
dijaringkan Patrick Ronaldinho Wleh selaku penjaring terbanyak Liga Super buat Selangor



Headline	Kelantan misteri di bawah Popov		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 May 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	55	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	450 cm <sup>2</sup>
Journalist	Syafiq Aznan	AdValue	RM 15,512
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,536



**Zainal (dua dari kiri) mahu anak didik** mengutip tiga mata bagi mengembalikan rentak dalam liga.

Headline	Ciri calon pilihan pengundi muda		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	12	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	268 cm <sup>2</sup>
Journalist	Rafidah Mat Ruzki	AdValue	RM 9,238
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,715



# Ciri calon pilihan pengundi muda

➔ Penduduk mahu pengganti miliki kepemimpinan Allahyarham Noriah

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Mohd Shukor Amin

bhnews@bh.com.my

► Sungai Besar

**P**arti yang bertanding pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar perlu mengetengahkan calon berwibawa bagi memenuhi kehendak penduduk di kawasan itu.

Dengan golongan muda yang dianggarkan 40 peratus daripada keseluruhan pengundi, mereka boleh dianggap penentu kemenangan parti dan calon yang bertanding, sama ada Barisan Nasional (BN) mahupun pembangkang.

Pengundi muda dari Parit 16 Sungai Panjang, Mohammad Shafie, 37, berkata calon yang bakal menjadi pilihan diharapkan boleh bekerja untuk rakyat dan sentiasa bersedia untuk turun padang bagi menyelesaikan masalah rakyat.

“Wakil rakyat yang akan dipilih mestilah seorang yang cepat ber-

tindak menyelesaikan sesuatu permasalahan dan mudah dibawa berbincang tanpa terikat dengan protokol dan kerehah birokrasi,” katanya di sini, semalam.

Mohammad yang juga Ketua Pemuda UMNO Cawangan Tanjung Medan Sungai Panjang, berkata ciri pemimpin itu sebenarnya ditunjukkan Allahyarham Datuk Noriah Kasnon sepanjang menjadi ahli Parlimen Sungai Besar.

## Ciri kepemimpinan

“Pengundi tidak kisah mengenai jantina calon, sama ada lelaki atau perempuan. Apa yang paling penting adalah ciri kepemimpinan seperti yang diharapkan ada padanya (calon berkenaan),” katanya.

Pengundi, Faez Faisal, 37, berkata ciri calon yang diharapkan menggantikan tempat Allahyarham Noriah mestilah mesra rakyat, aktif serta boleh mendampingi orang muda, selain memahami kehendak golongan itu.



Headline	Ciri calon pilihan pengundi muda		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	12	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	268 cm <sup>2</sup>
Journalist	Rafidah Mat Ruzki	AdValue	RM 9,238
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,715

**SUNGAI BESAR**

**Reaksi**

**Menjelang  
PRK Parlimen  
Sungai Besar**



**Faez Faisal,**  
Pengundi

Calon yang menggantikan tempat Allahyarham Noriah mesti mesra rakyat, aktif serta boleh mendampingi serta memahami orang muda”



**Mohammad Shafie,**  
Ketua Pemuda UMNO Cawangan Tanjung Medan Sungai Panjang

Wakil rakyat yang dipilih mestilah seorang yang cepat bertindak menyelesaikan permasalahan dan mudah berbincang”

Headline	PAS tak mahu akur DAP, tetap tanding Sungai Besar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	11	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	210 cm <sup>2</sup>
Journalist	Azman Mahmood	AdValue	RM 7,239
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,717



# PAS tak mahu akur DAP, tetap tanding Sungai Besar

➔ Parti pertahan hak, tradisi tak rampas kerusi pembangkang lain

Oleh Azman Mahmood dan Muhammad Sufian Rosli

bhkb@bh.com.my

► Kota Bharu

**P**AS menolak tawaran DAP supaya parti itu hanya bertanding di Kuala Kangsar dan memberi laluan kepada Parti Amanah Negara (PAN) di Sungai Besar pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen itu, bulan depan.

Naib Presiden PAS, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, berkata PAS tidak perlu mengikut telunjuk DAP, sebaliknya akan bertanding di kedua-dua kerusi Parlimen itu.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Besar, menegaskan PAS tidak merampas kerusi pembangkang

lain, kerana Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar secara tradisinya diperuntukkan kepada parti itu.

## PAS sudah buat keputusan

“Kita akan lawan (bertanding) sekali pun tiga penjuror kerana keputusan kita (PAS) akan bertanding di Kuala Kangsar dan Sungai Besar.

“Siapa yang nak bertanding lawan kita (PAS), kita akan hadapilah. Kalau satu lawan satu... Alhamdulillah... kalau tiga penjuror, satu lawan satu... kita lawan.

“PAS hanya mempertahankan hak dan tradisi (kerusi PAS). Kalau Pa-

katan Harapan (PH) nak jatuhkan UMNO dan Barisan Nasional (BN), sepatutnya mereka korbankan ego, sokonglah kita (PAS),” katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, semalam.

Semalam, Pengerusi DAP Perak, Nga Kor Ming, menggesa PAS tidak berdegil dan menerima tawaran PH iaitu bertanding di Kuala Kangsar sebagai pertukaran untuk melepaskan kerusi Sungai Besar kepada PAN.

Beliau dilaporkan berkata, langkah untuk memastikan pertandingan satu lawan satu dengan BN.



Headline	PAS tak mahu akur DAP, tetap tanding Sungai Besar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	11	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	210 cm <sup>2</sup>
Journalist	Azman Mahmood	AdValue	RM 7,239
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,717



Kita akan lawan sekali pun tiga penjuru kerana keputusan kita (PAS) akan bertanding di Kuala Kangsar dan Sungai Besar”

**Mohd Amar Nik Abdullah,**  
Naib Presiden PAS

Headline	Gesaaan Dr M dendam terhadap Najib		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	9	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	626 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Anwar Patho Rohman	AdValue	RM 21,579
Frequency	Daily	PR Value	RM 64,736



# Gesaaan Dr M dendam terhadap Najib

➔ Bekas PM hilang pertimbangan politik: Annuar

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman

wananwar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**enyataan Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa pengundi Sungai Besar dan Kuala Kangsar menolak Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) 18 Jun depan adalah manifestasi jelas dendam beliau terhadap Datuk Seri Najib Razak.

Malah, seruan bekas Presiden UMNO itu supaya pembangkang bersatu dengan meletakkan satu calon sahaja untuk mengalahkan BN menunjukkan Dr Mahathir sudah hilang pertimbangan politik serta maruah diri.

## Dedah peribadi sebenar

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa bagaimanapun berkata, apa yang dilakukan Dr Mahathir itu adalah 'rahmat' dari ilahi untuk mendedahkan peribadi sebenarnya, sekali gus membolehkan rakyat membuat penilaian.

"Tindakan ini juga memudahkan ahli parti mengikis rasa kekok dan serba salah terhadap Dr Mahathir, sekali gus membakar semangat untuk lebih yakin berdepan dengannya dan mempertahankan parti serta kepemimpinan Najib," katanya.

Annuar berkata, tindak tanduk Dr Mahathir itu menjadi satu ujian

bagi melihat sejauh mana 'perisytiharan dirinya sebagai pemimpin' diterima pembangkang selepasnya ditolak dan tidak dipedulikan UMNO dan BN.

## Tindakan seperti 'bunuh' anak sendiri

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek menyifatkan kenyataan Dr Mahathir sebagai tindakan seorang bapa yang mahu anaknya 'dibunuh' orang lain.

Beliau berkata, perkara berkenaan bukanlah sesuatu yang wajar dilakukan oleh bekas Perdana Menteri yang diangkat oleh BN dan UMNO sendiri.

"Saya kecewa dengan beliau (Dr Mahathir). Beliau benar-benar seseorang sehingga sanggup 'membunuh' anak yang dilahirkan dan dibesarkan sendiri," katanya ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen di sini, semalam.

Bagaimanapun, beliau yakin peluang BN dalam kedua-dua PRK itu tidak terjejas dengan kenyataan Dr Mahathir.

Sabtu lalu, Dr Mahathir dilaporkan berkata beliau berharap BN akan dikalahkan dalam PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar, ketika berucap dalam Majlis Bersama Pemimpin Selamatkan Malaysia di Shah Alam.



Headline	Gesaaan Dr M dendam terhadap Najib		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	9	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	626 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Anwar Patho Rohman	AdValue	RM 21,579
Frequency	Daily	PR Value	RM 64,736

**Reaksi**

**Gesaaan Dr M kepada pengundi Sungai Besar dan Kuala Kangsar tolak BN**



**Kenyataan Dr Mahathir menunjukkan belang**

sebenarnya yang tidak ikhlas dalam perjuangan menegakkan bangsa, agama dan negara bersama UMNO dan BN selama ini”

**Datuk Nur Jazlan Mohamed,**  
Ketua UMNO Bahagian Pulau



**Pemuda minta pengundi menolak apa yang dibawa Dr Mahathir**

kerana apa yang dilakukan itu tidak menunjukkan satu tindakan yang baik. Saya fikir pengundi bijak dan mampu menilai tindakan beliau”

**Khairul Azwan Harun,**  
Naib Ketua Pemuda UMNO



**Dia berdarah daging UMNO, jadi kita kecewa kerana sekarang menentang dan menyeru orang ramai mengalahkan parti yang memupuknya menjadi Perdana Menteri. Ini tindakan seorang yang amat kecewa dan pembelot pada negara”**

**Tan Sri Abdul Aziz Rahman,**  
Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia



**Apapun yang dilakukan Dr Mahathir itu adalah ‘rahmat’ dari Allah untuk mendedahkan peribadi sebenarnya, sekali gus membolehkan rakyat membuat penilaian”**

**Annuar Musa**  
Ketua Penerangan UMNO

Headline	Gesaaan Dr M dendam terhadap Najib		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	9	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	626 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Anwar Patho Rohman	AdValue	RM 21,579
Frequency	Daily	PR Value	RM 64,736



Saya kecewa dengan beliau (Dr Mahathir). Beliau benar-benar keseorangan sehingga sanggup 'membunuh' anak yang dilahir dan dibesarkan sendiri"

**Ahmad Shabery Cheek,**  
Ahli Majlis Tertinggi UMNO



Headline	Orang Melayu diminta tak terperangkap gerakan Tun M		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	8	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	323 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,134
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,402



# Orang Melayu diminta tak terperangkap gerakan Tun M

**Kuala Lumpur:** Kebimbangan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap pembabitan pimpinan dan ahli PKR dalam gerakan Tun Dr Mahathir Mohamad menerusi surat dari penjara membuktikan semua pihak berhati-hati dengan bekas Perdana Menteri itu dalam usahanya memburukkan kepemimpinan negara.

Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata surat lapan halaman bertulis tangan sepatutnya menjadi panduan kepada orang Melayu, khususnya ahli UMNO dalam memahami niat sebenar Dr Mahathir menggerakkan deklarasinya.

“Jika pemimpin utama pembangkang sendiri ragu tujuan Dr Mahathir, maka diharap orang Melayu khususnya ahli UMNO lebih berhati-hati supaya tidak terperangkap,” katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO berkata, surat itu juga mengesahkan keraguan pimpinan

pembangkang bahawa agenda Dr Mahathir hanya mahu menjadikan anaknya, Datuk Seri Mukhriz sebagai Perdana Menteri.

## Anwar rasa dipinggirkan ahli PKR

“Surat itu membuktikan Anwar dan Dr Wan Azizah tidak dapat mengawal parti. (Datuk Seri Mohamed) Azmin (Ali) seolah-olah menggunakan kedudukannya sebagai Menteri Besar Selangor untuk menguasai parti,” katanya.

Sementara itu, penganalisis politik, Profesor Dr Ahmad Atory Hussain, berkata kandungan surat berkenaan membuktikan Anwar rasa terpinggir dan terabai apabila tidak lagi dijadikan tempat rujuk pimpinan dan ahli PKR serta pakatan harapan.

“Ia membuktikan Anwar kecewa, merajuk dan memerlukan perhatian semua pihak dan mungkin menganggap harapannya untuk menjadi Perdana Menteri punah, sekali gus berdepan ‘lorong gelap’ dalam karier politiknya,” katanya.

**Info**

**Inti pati surat Anwar**

- **Deklarasi Mahathir menafikan** kepentingan moral untuk reformasi terhadap demokrasi yang beramanah
- **Kandungan deklarasinya tidak boleh dirunding**, kekal sebagai dokumen Dr Mahathir yang cacat dan tidak selari dengan reformasi perjuangan PKR
- **Deklarasi Mahathir jauh terpesong** daripada asas perjuangan untuk kebebasan dan keadilan, kedaulatan undang-undang, melawan salah guna kuasa dan rasuah, dan keadilan untuk semua!

Headline	Orang Melayu diminta tak terperangkap gerakan Tun M		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	8	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	323 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,134
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,402

... dan beriklan, menulis dan lain-lain pampasan yang dipacali -  
 dan dalam situasi...

... dan diteliti dengan terang. Intiprinsipnya gagasan tidak  
 tersasar dari beberapa dasar perjuangan dan kerajinan  
 dengan nada lantang sebelumnya. Keterampilan gaya adalah  
 jika di-sdr rekorder mendampingi dengan kemastit tempo  
 gagal membentaknya. Dalam seperti perjuangan kita, terdapat  
 episod getir yang menuntut longkahan pemertan dan  
 penyukutan. Kerjasama kita inisiatif dengan Delelasi Rakyat  
 yang turut mengheret pimpinan dan wakil kita untuk  
 bertelagial dengan Tun M dan Drin.

... dan menggerakkan dengan pendirian marjini  
 pimpinan. Saya onkar kerusi mengabdikan strategi, se-sebut  
 agar tetajur dan menggerakkan rudi nadi dan tunggala  
 perjuangan. Kita perlu menghidari dari bahaya tojebore  
 dengan permainan elit penguasa dan dan menstabil kecil mereka  
 untuk mengeluarkan sistem usang. <sup>Keindati kesitu</sup> Keran-  
 rakan merasakan bahawa seperti baru se-sebut sebagai  
 ampuh dan terbalik. Ia <sup>dianggap</sup> berjaya menstabilkan longkahan baru  
 dengan pengembelangan semest kekewatan yang mengulit  
 untuk menambangkan OS Najib selaku PM dan selanjutnya  
 menggerakkan perubahan. Mereka yakin untuk menyoal keadaan  
 dan menggerakkan dari beladanya sebagai penyempangan, bestembungan  
 idia ~~sebelumnya~~ <sup>diutamakan</sup> menggerakkan dipatu dirunglai tanpa  
 mengundong pabalahan atau persengketaan perbadi.

... dan amalkan pendirian yang sama taktik menyingkap  
 inisiatif, perantatannya Aliman Bersumpah bersama Tempen  
 Razaleigh yang lebih telunjuk. Saya dan pimpinan telah  
 menentahkan persetujuan meskipun saya polim kewaspadaan  
<sup>carut</sup> ~~tidak~~ kembali mengeluarkan dasar dan lekhita perjuangan.  
 Ia juga tidak wajar mengungkit ketajalasan pimpinan  
 anggotai dan mendatangkan ~~for~~ Delelasi Rakyat (DR)  
 dan beberapa wariah sebelumnya, saya terus mengera  
 impinan agar waripade dengan politik elit penguasa dan  
 meluan memper-tahan dasar perjuangan. persoalan selaras

**Surat** ditulis Anwar dari penjara.



18 May 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 12 • Printed Size: 372.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 12,823.16  
PR value: MYR 38,469.48 • Item ID: MY0026049171

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 2

# Sungai Besar tidak perlu 'pelancong politik'

**Sungai Besar:** Parlimen Sungai Besar tidak memerlukan kehadiran 'pelancong politik' yang kini semakin kerap berkunjung menjelang hari penamaan calon pada 5 Jun ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Panjang, Budiman Zohdi, berkata sejak akhir-akhir ini, ramai pemimpin PKR Selangor termasuk Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, kerap berkunjung di Parlimen itu walaupun sebelum ini Sungai Besar paling kurang dikunjungi mereka.

"Walaupun Mohamed Azmin adalah Menteri Besar, beliau datang sebagai pelancong politik.

"Sepatutnya beliau lebih konsisten menyelesaikan masalah rakyat Selangor secara keseluruhan," katanya di sini, semalam.

Budiman berkata, isu cukai tidak setimpal dengan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan, tidak boleh diselesaikan oleh pelancong politik," katanya.





18 May 2016  
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 12 • Printed Size: 372.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 12,823.16  
PR value: MYR 38,469.48 • Item ID: MY0026049171



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Kita minta kerajaan negeri jangan melakukan banyak gimik politik, sebaliknya perlu konsisten dan melihat masalah Selangor secara keseluruhan”

**Budiman Zohdi,**  
ADUN Sungai Panjang



# Kanak-kanak Rohingya penuh sesak di maahad

**Kuala Lumpur:** Penuh sesak dan tidak teratur. Itu situasi yang boleh digambarkan apabila melangkah masuk ke Ma'had Darul Hijrah dan Tahfizul Quran Al-Karim di Jalan Ipoh, di sini.

Keadaan itu menyebabkan 75 kanak-kanak etnik Rohingya berusia lima hingga 13 tahun yang mendapatkan pendidikan di maahad itu berasa tidak selesa, ditambah lagi dengan kekurangan kemudahan asas.

Menurut Mudir Amnya, Abdullah Ahmad, maahad ditubuhkan dua tahun lalu itu mengharapkan derma

dan sumbangan orang ramai untuk menjalankan urusan pengurusan serta pentadbiran agama.

“Walaupun tidak dapat didaftarkan ke Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) atas alasan dokumen PBB (UNHCR) tidak diterima untuk pendaftar sekolah (madrasah Muiin Al-Islam), namun, saya bersama dua lagi pengasas berusaha memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak yatim dan fakir miskin yang membabitkan pelarian Rohingya Islam.

“Kami mahu setiap ka-

nak-kanak terutama etnik Rohingya yang datang ke Malaysia tidak tercicir daripada mendapat ilmu dan pendidikan Islam,” katanya dan juga pelarian Rohingya yang sudah lima tahun berada di negara ini.

Katanya, pihak maahad memerlukan RM19,000 sebulan bagi menampung keperluan makanan bulanan, sewa bulanan madrasah, bil elektrik, bil air, bayaran perkhidmatan gaji ustaz, guru tahfiz, tukang masak, alat tulis, peralatan sukan dan pakaian.

“Alhamdulillah kami ber-

syukur kepada Allah SWT dan ucapan penghargaan terima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana memberi sokongan kepada mangsa pelarian Rohingya Islam tinggal sementara di negara ini.

“Jika ada sumbangan, sudah pasti kami dapat memberi pendidikan Islam kepada kanak-kanak Rohingya secara teratur selain penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M).

“Semua ini bertujuan supaya mereka boleh mendapat pekerjaan lebih baik berbanding ibu bapa mereka di sini (Malaysia),” katanya.

Bagi urusan derma, boleh hubungi Abdullah di talian 03-62410983, 017-6380260 atau 018-3846562 untuk maklumat lanjut.



**KEADAAN** kanak-kanak etnik Rohingya di Ma'had Darul Hijrah dan Tahfizul Quran Al-Karim.



18 May 2016  
Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 28 • Printed Size: 84.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,309.09  
PR value: MYR 9,927.27 • Item ID: MY0026048863



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## 'Pelancong politik' bertandang

Kawasan Sungai Besar yang sebelum ini sunyi bertukar wajah apabila semakin ramai 'pelancong politik' muncul menjelang hari penamaan calon pada 5 Jun ini.

Bagaimanapun Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Panjang Budiman Zohdi berkata, kawasan Parlimen itu tidak memerlukan kehadiran 'pelancong politik' ketika ini.

"Kebelakangan ini ramai

pemimpin politik termasuk Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Azmin Ali kerap berkunjung ke sini walaupun Sungai Besar kurang dikunjungi pemimpin kerajaan PKR Selangor sebelum ini.

"Beliau (Mohamed Azmin) sepatutnya lebih konsisten dalam menyelesaikan masalah rakyat termasuk di kawasan ini. Kita minta mereka jangan lakukan gimik politik," katanya.



**JETI Sungai Besar jadi tumpuan.**





18 May 2016

Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 28 • Printed Size: 44.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,015.38  
PR value: MYR 3,046.14 • Item ID: MY0026048867

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

## PDRM siap sedia hadapi dua PRK

**Polis Diraja Malaysia (PDRM) berada dalam persiapan terbaik menghadapi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar (P.067) Perak dan Sungai Besar (P.093), Selangor.**

**Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, menghadapi PRK bukan perkara baru berikutan pihaknya mempunyai banyak pengalaman sebelum ini.**

**“Saya yakin proses penamaan calon dan pengundian berjalan lancar,” katanya sempena majlis pemakaian pangkat Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) di Bukit Aman di sini, semalam.**

**Khalid menasihatkan mereka yang terbabit dengan PRK itu supaya mematuhi undang-undang dan peraturan.**



Tiada tindakan ke atas Guan Eng cemar slogan CAT

# Sikap DAP dipersoalkan?

Oleh **KASTHURI JEEVENDRAN**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

■ **KUALA LUMPUR 17 MEI**

**B**EKAS Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teratai, Jenice Lee menyifatkan tindakan 'pilih bulu' DAP dalam isu penyelewengan termasuk dakwaan terhadap Lim Guan Eng berhubung pembelian banglo baru-baru ini sebenarnya mencemarkan slogan Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) yang sering menjadi laungan parti itu.

Jenice mendakwa, walaupun integriti Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan jawatannya, Guan Eng dalam isu pembelian banglo RM2.8 juta dipersoalkan termasuk disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), namun parti itu tidak pernah meminta beliau bercuti sehingga siasatan selesai.

Katanya, berbeza pula dengan nasib ADUN Teluk Datuk, Loh Chee Heng yang telah dipecat daripada parti kerana didakwa terlibat dengan penyelewengan dan salah laku serius walaupun tiada laporan dibuat kepada SPRM.

"Saya tidak faham, saya juga dipecat (daripada DAP) atas kesalahan yang sehingga hari ini belum dapat dibuktikan

kesalahannya, saya dibuang kerana bercakap dengan lantang walaupun hakikatnya sesetengah pemimpin parti dan rata-rata masyarakat masih melihat saya sebagai pemimpin berintegriti.

"Walaupun Pengerusi Jawatankuasa Disiplin DAP, Tan Kok Wai ada menyebut kes saya dan Chee Heng hampir sama, namun ingin saya ingatkan, sehingga hari

ini saya tidak pernah disiasat oleh SPRM, integriti saya tidak dipersoal oleh mana-mana pihak," katanya yang dihubungi di sini hari ini.

Jenice menjelaskan, beliau dipinggirkan oleh DAP hanya kerana tidak disukai oleh puak tertentu sehingga dengan cepat dihukum dan diburukkan dalam media untuk menunjukkan kononnya DAP benar-benar telus

"Bagaimana pula dengan kesalahan pemimpin lain yang menjadi kesukaan, adakah mereka akan terlepas? Mengapa tiada sesiapa walaupun Kok Wai mendesak Guan Eng untuk bercuti sementara sehingga kes banglo itu disiasat?

"Adakah kerana beliau adalah Setia-

saha Agung? Bagaimana pula dengan kes ADUN Balakong, Ng Tian Chee yang didapati terlibat dengan aktiviti perjudian? Hanya digantung tiga bulan. ADUN Teratai, Tiew Way Keng turut menghadapi kes penyelewengan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ) namun sehingga hari tidak ada apa-apa tindakan," katanya.

